

PM: Kaji semula strategi perangi Covid-19

UM - 7/8/2021 m/d: 3

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**
aimy.ahmad@mediamulia.com.my

MUAR: Kerajaan akan mengkaji semula strategi sedia ada yang diguna pakai untuk memerangi Covid-19 bagi mengetahui sama ada masih berkesan dalam menangani peningkatan kes yang sudah melebihi 20,000 kes baru sehari ketika ini.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, perkara itu akan dibincangkan pada sidang khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang akan dipengeruskannya Isnin ini.

Beliau yang turut bimbang dengan peningkatan itu berkata, kerajaan pada masa sama akan menilai isu-isu dalaman Kementerian Kesihatan termasuk mengenai kaki-tangan, ubat-ubatan atau peralatan yang diperlukan seperti tangki oksigen.

“Kita akan bincang lagi Isnin ini khususnya di kawasan yang cukup terkesan di *Greater Klang Valley* yang ada dua buah negeri iaitu Kuala Lumpur dan Selangor serta beberapa negeri

yang datanya menunjukkan ada peningkatan.

“Kita akan teliti dan halusi kenapa perkara itu (kenaikan) berlaku. Apakah langkah-langkah yang diambil ini tidak lagi cukup berkesan atau perlukah kita tingkatkan proses membuat ujian dan pengesanan kontak yang lebih banyak,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan Bakul Prihatin kepada penghulu-penghulu untuk diberikan kepada keluarga yang dikuarantin di Bukit Pasir, di sini semalam.

Semalam, kes baharu Covid-19 sekali lagi melepasi angka 20,000 kes dengan mencatatkan sebanyak 20,889 kes baharu dengan 8,792 kes dilaporkan di Selangor, diikuti Kuala Lumpur 2,483 kes manakala Kedah, Johor dan Sabah mencatatkan angka melebihi 1,200 kes.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, Kementerian Kesihatan khususnya jawatankuasa yang terlibat juga sudah diberi kuasa penuh untuk melaku-



MUHYIDDIN Yassin melihat sumbangan ikan segar untuk diberikan kepada keluarga yang sedang dikuarantin di Kompleks Penghulu Mukim Sungai Raya di Bukit Pasir, Muar, Johor, semalam. - **UTUSAN/NUR ALINA HASSAN**

kan apa-apa perkara yang perlu dalam hal-hal tertentu tanpa merujuk kepadanya.

“Mereka boleh laksanakan sendiri walaupun melibatkan perbelanjaan kerana sebahagian

besar telah kita peruntukkan dalam bajet untuk kementerian itu dan Jawatankuasa Khas Greater Klang Valley, bajet itu boleh digunakan,” katanya.